

Bil. S 4

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KANUN PERATURAN JENAYAH (PINDAAN), 2007

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 7.
 3. Pemasukan bab-bab 112A, 112B dan 112C baru.
 4. Pemasukan Borang-Borang XXIV(A) dan XXIV(B) baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KANUN PERATURAN JENAYAH (PINDAAN), 2007

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kanun Peraturan Jenayah (Pindaan), 2007.

Pindaan bab 2 dari Penggal 7.

2. Bab 2 dari Kanun Peraturan Jenayah, dalam Perintah ini disebut sebagai Kanun itu, adalah dipinda dengan memotong takrifan "pegawai polis" dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

" "pegawai polis" bermakna mana-mana anggota Pasukan Polis Diraja Brunei, dan termasuk seseorang pegawai polis khas apabila dikerahkan atau dianggap sebagai dikerahkan bagi perkhidmatan aktif dan mana-mana orang yang diberikan kuasa-kuasa seorang pegawai polis di bawah sebarang undang-undang bertulis;".

Pemasukan bab-bab 112A, 112B dan 112C baru.

3. Kanun itu adalah dipinda dengan memasukkan 3 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 112 —

"Contoh badan.

112A. (1) Seseorang pegawai polis yang membuat suatu penyiasatan di bawah Penggal ini boleh menyebabkan supaya suatu contoh badan (sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 112C) seseorang diperolehi untuk analisis forensik jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa contoh badan itu boleh mengesahkan orang itu terlibat atau membuktikan orang itu tidak terlibat dalam suatu kesalahan yang boleh dihukum penjara.

(2) Jika persetujuan yang berkenaan (sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 112C) supaya suatu contoh badan diambil sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 112C adalah ditolak tanpa sebab yang memuaskan

atau tidak dapat diperolehi meskipun dengan segala usaha yang munasabah, maka orang itu boleh dibawa di hadapan seorang majistret yang boleh, jika berpuas hati bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa contoh badan itu boleh mengesahkan orang itu terlibat atau membuktikan orang itu tidak terlibat dalam suatu kesalahan yang boleh dihukum penjara, memerintahkan supaya orang itu memberikan contoh badan yang dikehendaki.

(3) Jika terbukti bahawa persetujuan yang berkenaan daripada seseorang adalah ditolak tanpa sebab yang memuaskan, mahkamah, dalam memutuskan —

(a) sama ada terdapat kes untuk dijawab terhadapnya; atau

(b) sama ada dia melakukan kesalahan yang atasnya dia telah dituduh,

boleh dari penolakan itu membuat kesimpulan sebagaimana difikirkannya patut dan, berdasarkan kepada kesimpulan tersebut, boleh menyifatkan penolakan itu sebagai menyokong atau sebagai terjumlah kepada menyokong sebarang keterangan yang berkaitan terhadapnya.

Orang yang dibenarkan untuk mengambil contoh badan.

112B. (1) Suatu contoh badan hanya boleh diambil oleh —

(a) seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi (Penggali 112);

(b) seseorang pegawai polis yang telah mendapat latihan bagi maksud itu; atau

(c) mana-mana orang lain yang mempunyai kelayakan yang bersesuaian atau terlatih yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya Polis bagi maksud itu.

(2) Sebelum mengambil suatu contoh badan, orang yang dibenarkan di bawah cerai (1) untuk mengambilnya mestilah memuaskan hatinya bahawa pengambilan contoh badan itu tidak akan membahayakan orang yang daripadanya contoh badan itu akan diambil.

(3) Fakta bahawa suatu contoh badan telah diambil di bawah bab ini hendaklah direkodkan oleh orang yang mengambilnya dalam borang atau mengikut cara sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pesuruhjaya Polis.

(4) Seseorang yang daripadanya suatu contoh badan adalah dikehendaki secara sah di bawah bab 112A yang enggan, tanpa alasan yang munasabah, memberikan suatu contoh badan atau membenarkannya diambil daripadanya, atau yang sebaliknya mengadang atau menghalang pengambilan suatu contoh badan adalah melakukan suatu kesalahan di bawah bab 186 dari Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) dan orang yang dibenarkan di bawah ceraian (1) untuk mengambil contoh badan itu boleh, dengan bantuan yang dikehendaki, menggunakan kekerasan yang diperlukan dengan munasabah bagi maksud mengambil contoh badan itu.

Tafsiran, berkenaan dengan bab-bab 112A dan 112B.

112C. Dalam bab-bab 112A dan 112B —

"persetujuan yang berkenaan" bermakna —

- (a) berhubung dengan seseorang yang telah mencapai umur 18 tahun, persetujuannya secara bertulis;
- (b) berhubung dengan seseorang yang telah mencapai umur 14 tahun tetapi belum mencapai umur 18 tahun, persetujuan secara bertulis daripada orang itu dan juga ibu atau bapa atau penjaganya;
- (c) berhubung dengan seseorang yang belum mencapai umur 14 tahun, persetujuan secara bertulis daripada ibu atau bapa atau penjaganya,

yang diberikan kepada pegawai polis yang bertanggungjawab terhadap kes itu setelah orang yang berkenaan atau ibu atau bapa atau penjaganya, mengikut mana yang berkenaan, diberitahu oleh pegawai polis itu tentang tujuan suatu contoh badan dikehendaki dan cara mengambilnya;

"contoh badan" bermakna —

- (a) suatu contoh rambut kepala, termasuk akar rambut;
- (b) suatu contoh yang diambil dari kuku atau dari bawah kuku;
- (c) suatu swab yang diambil dari mana-mana bahagian, selain dari kemaluan, badan seseorang tetapi bukan mana-mana orifis badan yang lain;
- (d) suatu swab yang diambil dari mulut seseorang;

- (e) air liur;
- (f) suatu lekuk mana-mana bahagian badan seseorang selain dari lekuk kemaluan atau lekuk muka;
- (g) suatu contoh intimat, iaitu suatu contoh badan yang diperolehi melalui apa-apa prosedur invasif.

"contoh intimat" bermakna —

- (a) suatu contoh darah, air mani atau sebarang cecair tisu lain, air kencing atau rambut selain dari rambut kepala;
- (b) suatu lekuk gigi; atau
- (c) suatu swab yang diambil dari kemaluan badan seseorang atau dari suatu orifis badan seseorang selain dari mulut;

"kemaluan" berkenaan dengan badan seseorang, bermakna bahagian genital atau anal dan termasuk buah dada bagi seseorang perempuan."

Pemasukan Borang-Borang XXIV(A) dan XXIV(B) baru.

4. Kanun itu adalah dipinda dengan memasukkan borang-borang baru yang berikut sejurus selepas Borang XXIV dalam Jadual Kedua —

**"XXIV(A) - Permohonan bagi kebenaran untuk mengambil contoh badan
(bab 112A(2))**

KEPADA MAJISTRET DI DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DI

Saya, (nama dan jawatan pemohon),
memohon bagi mendapatkan suatu perintah Majistret untuk mengambil
suatu contoh badan, iaitu
daripada (nama orang yang disyaki) atas alasan
yang berikut —

- (i) orang yang tersebut itu disyaki telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum penjara bertentangan dengan bab dari; dan
- (ii) adalah dipercayai bahawa contoh badan itu boleh mengesahkan kesalahan itu dilakukan atau membuktikan kesalahan itu tidak dilakukan oleh orang yang tersebut itu.

Bertarikh pada hari ini haribulan .

.....
Pemohon
(nama, jawatan dan tandatangan)

XXIV(B) - Kebenaran untuk mengambil contoh badan
(bab 112A(2))

Kepada:

Suatu permohonan telah dibuat kepada orang yang bertandatangan di bawah, seorang Majistret, oleh
(nama pemohon) pada (tarikh) dan Majistret yang bertandatangan di bawah, berpuas hati bahawa terdapat alasan yang munasabah —

- (i) untuk mengesyaki bahawa orang yang tersebut itu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum penjara bertentangan dengan bab dari; dan
- (ii) untuk mempercayai bahawa contoh badan itu boleh mengesahkan kesalahan itu dilakukan atau membuktikan kesalahan itu tidak dilakukan oleh orang yang tersebut itu.

Saya dengan ini memerintahkan supaya orang yang disyaki memberikan contoh badan yang dikehendaki, iaitu
(perihal contoh) kepada

Bertarikh pada hari ini haribulan .

.....
Majistret."

Diperbuat pada hari ini 13 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 1 haribulan Februari, 2007 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM